

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk
memastikan sasaran 55% penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan
pekerjaan pada tahun 2015 dapat dicapai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah menetapkan sasaran 55% penyertaan wanita dalam tenaga kerja dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015). Dalam hal ini, berdasarkan **penyiasatan tenaga buruh** yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan telah menunjukkan peningkatan daripada **45.9% pada tahun 2005 kepada 52.4% pada tahun 2013.**

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan pelbagai agensi lain telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan kaum wanita untuk menyertai dan kekal di dalam pasaran pekerjaan. Antaranya ialah:

(i) Program 1AZAM

Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara: Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah yang diterajui oleh KPWKM adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan keluarga melalui:

- bidang perniagaan (AZAM Niaga);
- bidang perkhidmatan (AZAM Khidmat);
- bidang pertanian (AZAM Tani); dan
- bidang pekerjaan (AZAM Kerja).

Program yang berkonsepkan kebajikan produktif ini menyediakan peluang untuk menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah, termasuk golongan wanita, dalam bidang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan. Dari tahun 2010 hingga 31 Januari 2014, Program 1AZAM telah menampakkan keberkesanannya dengan penyertaan sejumlah 140,976 orang dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 91,402 atau 65% peserta adalah wanita.

(ii) Program 1Malaysia Support For Housewives (1MS4HW) di bawah National Blue Ocean Strategy (NBOS)

Program ini adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi suri rumah daripada isi rumah berpendapatan rendah (LIH) untuk menjana pendapatan tambahan keluarga bagi meningkatkan taraf hidup serta memberi jaminan keselamatan sosial kepada suri rumah untuk kehidupan keluarga yang lebih baik. Hingga 15 November 2013, seramai 25,708 suri rumah telah berdaftar dan seramai 4,059 suri rumah telah ditempatkan pekerjaan melalui portal *Jobs Malaysia*.

Program ini juga merupakan kerjasama antara Kementerian Sumber Manusia dengan suri rumah kepada anggota jabatan / agensi beruniform yang lain antaranya Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan turut dilaksanakan menerusi projek kelompok.

(iii) Program Usahawan Wanita

Selain itu, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA-LIH), kerajaan telah mensasarkan untuk melatih dan

melahirkan usahawan wanita dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,500. Program ini dilaksanakan menerusi kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Dari tahun 2009 hingga 2012, bilangan usahawan wanita yang dilahirkan adalah 4,300 orang, melebihi sasaran bagi tempoh tersebut iaitu 4,000 orang usahawan wanita.

Program ini telah diteruskan pada tahun 2013 dan 2014. Bagi tempoh Januari 2013 hingga Jun 2014, sejumlah 1,645 lagi usahawan wanita telah berjaya dilahirkan dengan pendapatan bulanan RM3,500 atau lebih.

(iv) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita)

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menjalankan program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) yang merangkumi program keusahawanan dalam bidang seperti jahitan, kecantikan, pembuatan pastri dan asuhan kanak-kanak. Bagi tempoh 2008

sehingga Jun 2014, seramai 4,445 orang ibu tunggal telah dilatih di bawah program I-KIT.

Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) pula telah dilaksanakan pada tahun 2010 dan 2013 serta diteruskan pada tahun 2014. Jumlah peserta untuk tempoh tersebut adalah 6,164 orang.

(v) **Program *Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme* (HEARTS)**

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia, turut menyokong *1Malaysia Support For Housewives* (1MS4HW) dengan melaksanakan program *Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme* (HEARTS) di bawah Dana Khas Kerajaan bermula tahun 2013. Program ini bertujuan untuk melatih suri rumah berpelajaran tetapi pendam dengan kemahiran khusus bagi membolehkan mereka kembali ke alam pekerjaan dan seterusnya menyumbang secara aktif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui program ini, suri rumah berupaya menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah di samping membolehkan mereka

mengekalkan status mereka sebagai *homemaker*. Program HEARTS mengandungi 3 modul utama iaitu Modul Peralihan, Modul Etika Perniagaan dan Komunikasi, dan Modul Fungsian (mengikut bidang kemahiran).

Bidang kemahiran yang ditawarkan bagi tahun 2013 adalah:

- Penterjemahan;
- *Train-the-Trainer*;
- Pengurusan Projek;
- Pengurusan Media Sosial;
- Penulisan Skrip dan Kreatif;
- Metodologi Penyelidikan;
- Pusat Perkhidmatan Panggilan Perniagaan;
- Pembangunan dan Penyelenggaraan Laman Web;
- Penguji Perisian;
- Pembangunan Sistem Aplikasi; dan
- Pensijilan Pengurusan Projek.

Hingga **30 Mei 2014**, **seramai 237 peserta** telah menghadiri ketiga-tiga modul manakala 135 peserta pula telah menghadiri modul

pertama dan kedua menjadikan jumlah keseluruhan seramai 372 peserta. Daripada jumlah ini, seramai **67 orang** telah berjaya mendapatkan pekerjaan sama ada menjalankan perniagaan atau bekerja dari rumah.

(vi) **Portal FlexWorkLife.my**

Portal *FlexWorkLife.my* telah dilancarkan pada bulan 8 Julai 2013 dengan kolaborasi antara Jabatan Pembangunan Wanita iaitu sebuah agensi di bawah KPWKM, *TalentCorp* Malaysia dan *MyStarJob*. Portal tersebut mengandungi repositori amalan terbaik aturan kerja fleksibel dan kemudahan mesra keluarga. Portal ini juga menjaringkan antara majikan dan modal insan yang berbakat bagi mengintegrasikan pekerjaan dengan kehidupan. Hingga **31 Mei 2014, sebanyak 55 syarikat telah mengiklankan sejumlah 236 pekerjaan. Bilangan pemohon pekerjaan pula adalah sebanyak 3,054** daripada jumlah pengunjung portal iaitu **80,675 orang**. Di samping itu, terdapat 20 syarikat swasta dan majikan berkongsi pengalaman menguruskan tempat kerja yang fleksibel dan mengamalkan prinsip-prinsip aturan kerja anjal yang pelbagai.

(vii) **Program Bimbingan dan Sokongan Kewangan**

Kerajaan juga turut menyediakan skim pinjaman mudah bagi usahawan wanita yang menceburi perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Program *Business Accelerator* (BAP) dan *Enrichment & Enhancement*" (E²) telah dilancarkan oleh Perbadanan Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) bermula dari bulan Januari 2011. Program BAP memfokuskan kepada syarikat bersaiz kecil dan sederhana manakala Program E² mensasarkan syarikat mikro enterprise.

Objektif program ini adalah untuk memacu pembangunan PKS dengan menggunakan pendekatan bersepadu yang memberi penekanan terhadap empat komponen utama iaitu penilaian ke atas syarikat bagi mengenal pasti prestasi dan keperluan perniagaan, khidmat nasihat perniagaan bagi panambatkan keupayaan syarikat, pembangunan kapasiti syarikat dan juga akses kepada pembiayaan. Hingga **31 Mei 2014, 71 buah syarikat milikan wanita** telah mendapat manfaat daripada program *Business Accelerator* (BAP) dengan bantuan kewangan yang diluluskan berjumlah berjumlah

RM16.92 juta dan 71 buah syarikat milikan wanita telah menerima manfaat daripada program *Enrichment and Enhancement* dengan bantuan kewangan yang diluluskan berjumlah RM3.39 juta.

(viii) Insentif Potongan Cukai Berganda untuk Perbelanjaan Latihan

Selain itu, YAB. Perdana Menteri telah mengumumkan mulai tahun 2013, insentif potongan cukai berganda akan diberikan kepada syarikat-syarikat ke atas perbelanjaan latihan yang mengkhusus kepada wanita profesional yang kembali ke pasaran kerja.

(ix) Flexible Work Arrangements

Flexible Work Arrangements atau pengaturan kerja fleksibel dapat membantu wanita mengimbangi kerjaya dan komitmen keluarga serta mengelakkan wanita berkerjaya berhenti kerja. Di bawah Bajet 2014, majikan dicadangkan melaksanakan pengaturan kerja fleksibel yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat kerja. Skim ini boleh dilaksanakan dalam bentuk seperti *compressed work week*, *flexi hours* dan *weekend work*. Bagi menarik lebih banyak syarikat Malaysia melaksanakan pengaturan kerja fleksibel, perbelanjaan latihan dan fi konsultasi yang ditanggung oleh majikan

dalam melaksanakan skim ini diberi potongan cukai tambahan di bawah Bajet 2014.

(x) **Mengukuhkan Sistem Sokongan Sosial**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kemudahan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) telah memberi lebih ruang kepada wanita untuk menceburi pasaran pekerjaan. Hingga April 2014, sebanyak 3,223 buah TASKA yang dibuka telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) termasuk 106 buah TASKA di tempat kerja sektor awam, 26 buah TASKA di tempat kerja sektor swasta, 2,645 buah TASKA institusi, 422 buah TASKA di rumah dan 32 buah TASKA Komuniti. Manakala pusat jagaan harian kanak-kanak adalah sebanyak 510 buah dan 218 buah pusat jagaan kanak-kanak berkediaman.

Bagi mempertingkatkan sistem sokongan ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pihak majikan serta pengusaha TASKA untuk menyediakan perkhidmatan ini.

Antara inisiatif tersebut adalah:

- a) peruntukan geran pelancaran sebanyak RM200,000 kepada kementerian atau jabatan untuk menubuhkan TASKA di tempat kerja sektor awam;
- b) pengecualian cukai 10% setahun bagi majikan di sektor swasta ke atas kos keseluruhan pembinaan atau pembelian bangunan untuk penubuhan TASKA di tempat kerja bagi tempoh 10 tahun;
- c) pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun kepada pengusaha TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak swasta;
- d) kemudahan geran penubuhan sebuah TASKA 1Malaysia sebanyak RM119,000. Jumlah peruntukan meliputi kos penubuhan sebanyak RM55,000 (sekali gus) dan kos subsidi sehingga RM64,000 setiap tahun bagi 30 orang kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah yang layak menerima subsidi;
- e) penyediaan geran pelancaran sebanyak RM10,000 kepada pusat pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) swasta untuk membantu mereka membuka TASKA baru yang berkualiti;

- f) insentif kepada majikan dalam sektor swasta melalui pemotongan cukai sebanyak dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak; dan
- g) peruntukan sebanyak RM3 juta pada tahun 2013 untuk penubuhan 6 buah TASKA OKU yang diuruskan oleh pihak NGO.

Inisiatif-inisiatif yang disebutkan tadi merupakan antara strategi bagi mencapai misi di bawah Rancangan Malaysia Ke-sepuluh iaitu sasaran 55% penyertaan wanita di pasaran buruh pada tahun 2015.